

27 SEP 1998

Anwar-Dosa

DR MAHATHIR BERDOSA JIKA TIDAK DEDAHKAN PERIHAL ANWAR, KATA MOHAMED

JOHOR BAHRU, 27 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak sanggup menanggung dosa besar jika beliau tidak mendedahkan perkara sebenar mengenai perilaku Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Mohamed berkata bahawa selaku pemimpin negara yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, Dr Mahathir sedia menghadapi pelbagai cabaran dalam menegakkan kebenaran.

"Tindakan Perdana Menteri itu bagi menjaga maruah bangsa, negara dan agama Islam kerana pemimpin yang tidak bermoral boleh menghancurkan masa depan negara," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Hari Wanita Umno Pulai oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan dan Ketua Umno Bahagian Pulai, berkata tindakan Dr Mahathir bukan bermaksud memiftnah Anwar, tetapi Perdana Menteri mempunyai bukti kukuh terhadap kelakuan seks luar tabii yang dilakukan oleh Anwar.

"Kalau pemimpin yang diharapkan itu tidak bermoral, bagaimana dia hendak mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama...sebab pemimpin yang tidak bermoral akan melakukan apa sahaja bagi memuaskan nafsunya," katanya.

Mohamed berkata orang ramai memang susah untuk mempercayai apa yang dilakukan oleh Anwar tetapi kebenaran akan timbul dan mereka boleh menerimanya apabila kes itu dihadapkan ke mahkamah.

Beliau juga berkata budaya tunjuk perasaan tidak sesuai diamalkan di negara ini kerana ia membawa banyak keburukan dan keganasan.

Sebaliknya, corak pemerintahan yang ada sekarang lebih sesuai dan akan terus dipraktikkan bagi menjamin keharmonian negara yang berterusan, katanya.

-- BERNAMA

BH MAI